

Laporan RCI Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan



Anwar bersalaman dengan kanak-kanak ketika hadir untuk menunaikan solat Jumaat di surau AL-Manar, Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Pengkhianatan besar kedaulatan negara

PM tegaskan setiap inci tanah Malaysia wajar diperjuangkan habis-habisan

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Putrajaya: Kesalahan atau kelemahan dalam pentadbiran yang membawa kepada terlepas kedaulatan negara dalam isu Batu Puteh adalah pengkhianatan besar kepada negara, tegas Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Bagi Mengkaji Pengendalian Perkara Berkaitan Dengan Kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan, jelas menunjukkan wujudnya kelemahan dan ia bukan suatu perkara yang ringan.

Beliau berkata, ini kerana setiap inci tanah milik negara sepatutnya diperjuangkan secara habis-habisan.

"Laporan RCI mendedahkan kelemahan, bahkan daripada satu sudut, pengkhianatan yang berlaku kerana setiap inci tanah kita itu patut kita perjuangkan habis-habisan. Tapi nampak ada satu kegagalan. Ini didedahkan (dalam RCI).

"Bagi saya, bukan satu perkara yang ringan iaitu apa-apa kesalahan yang terbabit dalam soal menyerahkan kedaulatan diang-

gap suatu pengkhianatan besar kepada negara," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Terdahulu, Perdana Menteri menunaikan solat Jumaat di Surau Al-Manar Presint 14 dan menjamu selera di Restoran Q-Bistro, Presint 15.

Beliau berkata demikian ketika ditanya merujuk Laporan RCI Bagi Mengkaji Pengendalian Perkara Berkaitan Dengan Kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan yang mengesyorkan siasatan jenayah boleh dimulakan terhadap bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Syor laporan polis

Dalam laporan setebal 217 muka surat itu, RCI mengesyorkan siasatan jenayah boleh dimulakan terhadap Dr Mahathir mengikut Seksyen 415(b) Kanun Keseksaan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 417 kanun sama dan juga di bawah Seksyen 418 kanun sama.

Seksyen 415(b) adalah berkaitan penipuan dengan sengaja untuk memperdayakan seseorang sehingga mengakibatkan orang itu menyerahkan sebarang harta kepada sesiapa atau memberi atau melakukan sesuatu, yang mana orang itu tidak akan lakukan jika tidak ditipu.

Ia juga mengesyorkan setiausaha RCI membuat laporan polis supaya siasatan dapat dimulakan.

Syor disiasat itu dibuat atas alasan Dr Mahathir membuat keputusan sepihak untuk menghentikan semakan terhadap keputusan Mahkamah Keadilan

Antarabangsa (ICJ) mengenai kedaulatan Batu Puteh tanpa persetujuan Kabinet dan hanya memberi taklimat kepada mereka mengapa beliau berbuat demikian.

RCI juga berpendapat jika Kabinet diberikan dokumen dan pendapat bertulis daripada perunding antarabangsa, mereka mungkin akan mempunyai pandangan yang berbeza mengenai usaha semakan itu.

Prosiding RCI diusulkan selepas Malaysia kehilangan Batu Puteh kepada Singapura selepas Dr Mahathir pada 2018 menarik balik permohonan semakan untuk membatalkan keputusan ICJ.

Siasatan jenayah terhadap Dr Mahathir antara perkara disyorkan RCI dalam laporannya setebal 217 muka surat yang didedahkan kepada Ahli Parlimen di Dewan Rakyat, kelmarin.

Laporan akhir yang dinyahklasifikasikan itu sudah diserahkan oleh Pengerusi RCI, Tun Md Raus Sharif, kepada Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim di Istana Negara pada 12 Ogos lalu.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, sebarang tindakan dalam isu berkenaan harus dilaksanakan mengikut proses undang-undang yang perlu dihormati.

"Bagaimanapun, proses undang-undang harus dihormati. Jadi, kita tengok proses berikutnya," katanya.

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul mengesahkan laporan RCI itu akan dibentangkan di sidang Dewan Rakyat, minggu depan.